

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : PERTANYAAN BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHUA TIAN CHANG  
@ TIAN CHUA [ BATU ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kos penyelenggaraan tahunan untuk semua jet peribadi yang dimiliki oleh Kerajaan. Apakah nilai semasa masing-masing hari ini dan apakah kadar susut nilai sejak pembelian mereka.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perdana Menteri tidak pernah memiliki sebarang jet peribadi sebaliknya hanya mengurus dan menyelia Pesawat Eksekutif Kerajaan untuk kegunaan tugas rasmi Kerajaan. Semakan status susut nilai bagi sesebuah pesawat dilaksanakan sekiranya Kerajaan berhasrat untuk menjual aset berkenaan.

Sekian. Terima kasih.